

09/08/2001

Jangan jadikan buku teks isu kaum: PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan semua pihak supaya tidak menjadikan isu pemberian kemudahan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) kepada murid Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai isu perkauman.

Perdana Menteri berkata, pemberian buku teks kepada SK bertujuan menjadikan sekolah itu lebih menarik kepada semua murid.

"Kalau kita juga memberi kemudahan yang sama kepada (murid) Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), maka tidak ada perbezaan dan dengan itu tidak ada daya tarikan ke SK.

"Namun, kita longgarkan sedikit untuk SJK iaitu mereka (ibu bapa atau penjaga) yang berpendapatan RM1,000 ke bawah (anaknyanya) akan menerima SPBT. Ini bukan ada kaitan dengan bangsa atau keturunan... ini ada kaitan dengan sekolah.

"Jika murid Cina pergi ke SK, mereka akan dapat kemudahan sama. Kalau murid Melayu pergi ke SJK, mereka juga akan mendapat layanan seperti yang diberi kepada murid di SJK," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memberi taklimat khas kepada pemimpin Umno peringkat bahagian mengenai isu pengambilan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi (IPT) berdasarkan prinsip merit di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Lebih 1,000 pemimpin Umno peringkat bahagian hadir dalam majlis taklimat tertutup itu.

Awal tahun ini, Pengarah Bahagian Buku Teks (BBT) Kementerian Pendidikan, Senan Ibrahim, berkata kira-kira 4.43 juta pelajar tahun satu hingga tingkatan lima di seluruh negara layak menikmati kemudahan SPBT tahun ini.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 2.52 juta adalah murid sekolah rendah, manakala 1.91 juta lagi pelajar sekolah menengah. Bilangan itu adalah 81.97 peratus daripada jumlah enrolmen di sekolah rendah, manakala bakinya pula 82.7 peratus enrolmen di sekolah menengah.

Katanya, jumlah itu meliputi pelajar yang berkelayakan di sekolah bantuan kerajaan serta sekolah menengah agama rakyat di seluruh negara.

Sementara itu, ditanya sama ada Kabinet hari ini mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan kecenderungan remaja terbabit dalam jenayah serta kegiatan tidak berfaedah termasuk gejala Black Metal, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata:

"Kita tak jadi ada mesyuarat khas itu kerana kita utamakan mesyuarat pada hari ini.

"Bagaimanapun, kita sedang mengikuti perkembangan. Kita akan bincangkan dalam mesyuarat biasa.

"Jika ada keperluan mengadakan mesyuarat khas, kita akan mengadakannya," katanya.

(END)